

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 18 DISEMBER 2017 (ISNIN)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Waspada kewujudan 'scammer' profesional	Berita Harian
2.	Angin kencang dijangka di beberapa kawasan	Berita Harian Online
3.	Sokong syarikat pemula niaga manfaat Industri 4.0	Berita Harian
4.	Industri 4.0: Agensi kerajaan berkaitan perlu distruktur semula	Berita Harian
5.	TPM pelawa usahawan teknologi	Harian Metro
6.	Dutch model may have taken cocktail of drugs	The Sun

**KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (INTERAKTIF) : MUKA SURAT 61
TARIKH : 18 DISEMBER 2017 (ISNIN)**

Waspada kewujudan 'scammer' profesional

Jika dilihat kepada ekonomi Malaysia pada suku pertama 2017 menunjukkan perkembangan sebanyak 5.6 peratus berbanding 4.2 peratus, tahun sebelumnya dan ia prestasi terbaik yang dicatatkan sejak suku pertama 2015, iaitu 5.8 peratus.

Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Datuk Seri Muhammad Ibrahim, pada sidang akhbar yang mengumumkan Prestasi Ekonomi pada Suku Pertama 2017 menyatakan, secara dasarnya ekonomi negara dijangka kekal berada dalam landasan tepat untuk mencatat pertumbuhan lebih tinggi tahun ini dengan permintaan dalam negeri diunjur terus berkembang.

Bagaimanapun, pencapaian negara yang makin pulih daripada kemerosotan ekonomi dunia tidak memaksa segelintir golongan yang dikenali sebagai 'scammer' ini untuk berhenti dari skim penipuan, khusus membabitkan pelaburan haram.

Tambah menyediakan apabila golongan penipu di internet terdiri daripada ahli profesional ini berjaya memanipulasikan minda rakyat dengan 'janji manis' mereka.

Sebanyak 3,921 insiden penipuan dalam talian dilaporkan pihak

berkuasa sepanjang tahun lalu membabitkan pelbagai kes seperti curi data, skim penipuan, pembelian barang dalam talian serta perbankan internet. Jumlah itu adalah meningkat 20.4 peratus, berbanding 2015 yang mencatatkan 3,257 kes penipuan dalam talian bagi kes sama.

Menurut **Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Madius Tangau**, statistik itu berdasarkan laporan Pusat Koordinasi Cyber 999 yang dikendalikan **Cyber Security Malaysia**.

Menyedari perkara ini, kerajaan membina program Cyber Security Awareness For Everyone (Cyber-SAFE) bagi mewujudkan kesedaran dan menggalakkan penggunaan internet dan komputer secara positif dan beretika.

Berdasarkan statistik dan kenyataan berkenaan, diyakini bahawa pertumbuhan ekonomi yang semakin baik menyebabkan golongan 'scammer' itu bertindak dengan modus operandi sama.

Masyarakat yang tersepit dengan kos sara hidup yang makin meningkat saban hari, membuatkan mereka memilih jalan singkat untuk mencari wang dengan cara 'goyang kaki'.

Namun, semua itu hanya sandiwara dari golongan penipu profesional ini.

Meneliti kes dari fail Polis Diraja Malaysia (PDRM) mahupun Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), penipu ini menjanjikan pulangan tinggi kepada mangsa. Malah, mereka juga menggunakan orang berpengaruh atau berkedudukan dalam masyarakat sebagai tarikan utama.

Penggunaan internet

Penggunaan internet yang semakin meningkat di negara ini menjadikan ia sebagai medium utama kepada 'scammer' profesional ini untuk meneruskan kerja haram mereka.

Tambahan pula, golongan penipu ini makin licik apabila mereka menyasarkan pasaran penipuan pelaburan mereka, khususnya mahasiswa universiti.

Timbalan Ketua Polis Pahang, Datuk Fatimah Ghazali berkata, pihaknya menerima 88 kes membabitkan mangsa yang ditipu apabila membuat urus niaga menerusi laman www.mudah.com.

Kebanyakan kes membabitkan individu yang menipu pelajar universiti yang mahu membeli telefon

bimbit model terbaru pada harga lebih rendah berbanding pasaran.

Penipuan melalui talian mudah.com ini adalah lebih ketara berbanding dengan sindiket penipuan parcel (bungkus) atau melalui Facebook, WhatsApp, Instagram atau WeChat. Mangsa adalah golongan pelajar universiti kerana mereka lebih cenderung kepada budaya membeli-belah secara dalam talian.

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sudahpun mengeluarkan kenyataan media, dengan menyatakan tawaran melanjutkan pelajaran oleh Institut Pendidikan Tinggi tersebar melalui media sosial seperti aplikasi WhatsApp adalah palsu dan penipuan serius oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Tawaran palsu

Sindiket penipuan berkenaan menyebabkan ramai pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tertipu dan terpengaruh dengan tawaran palsu itu.

Natijahnya, masyarakat kini sedang tenat menghadapi krisis ekonomi dunia yang tidak menentu saban tahun yang turut menjadi faktor untuk mereka mencari pen-

dapatan sampingan dengan cara pelaburan yang menjanjikan keuntungan dalam masa singkat.

Sikap sambil lewa masyarakat dalam menguruskan kewangan mereka di landasan yang tepat dan betul, memberi peluang kepada golongan penipu profesional ini mencuri peluang demi kemewahan hidup mereka sendiri.

Mangsa penipuan dari kalangan pelajar terutamanya, harus berwaspada dengan segala bentuk tawaran dan peluang kekayaan yang makin berleluasa di aman sosial.

Masyarakat bersama baik kerana agensi dan pihak kerajaan mengambil berat terhadap kes penipuan online membabitkan 'scammer' profesional ini.

Pihak berwajib membantersa habis-habisan sindiket ini kerana pada saat rakyat sedang berusaha untuk keluar dari zon kemiskinan, golongan bijak pandai ini sanggup mengambil kesempatan atas deaskan hidup yang makin menekan rakyat saban hari.

 **Mohd Shamir Shahrin,**
Fakulti Ekonomi dan Muamalat +
Universiti Sains Islam
Malaysia (USIM)



Angin kencang dijangka di beberapa kawasan

KUALA LUMPUR: Angin kencang Timur Laut berkelajuan melebihi 60 kilometer sejam (kmsj) dengan ombak mencapai ketinggian 4.5 meter (m), dijangka berlaku di kawasan perairan timur Condore dan laut barat Reef North, selama empat hari hingga Khamis ini.

Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) berkata, angin kencang dan laut bergelora itu berbahaya kepada semua kegiatan di pantai dan perkapalan, termasuk pekerja di pelantar minyak.

Angin kencang dan lautan bergelora juga dijangka melanda tenggara Samui, Condore, Reef North, Layang-Layang, Palawan, Tioman, Bunguran.

MetMalaysia juga meningkatkan amaran kategori kedua di perairan itu, dengan kelajuan angin kencang Timur Laut 60 kmsj dan ombak mencapai ketinggian 4.5 m berterusan selama empat hari.

Amaran kategori pertama turut dikeluarkan untuk perairan tengah Samui, Bunguran, Reef South, Wilayah Persekutuan Labuan dan Palawan.

Selain itu, bagi kategori perairan negara ini, amaran angin kencang Timur Laut dengan kelajuan 60 kmsj dan ombak mencapai ketinggian sehingga 4.5 m, dijangka berlaku di kawasan perairan Kelantan, Terengganu, Pahang dan timur Johor selama empat hari.

Kawasan pantai di Kelantan, Terengganu, Pahang dan timur Johor juga dijangka terdedah kepada kejadian kenaikan paras air laut.

Sementara itu, cuaca buruk dijangka berlaku di Sarawak (Kuching, Samarahan, Serian, Sri Aman, Betong, Sarikei dan Mukah) hingga Rabu ini.

Menurut kenyataan itu, jangkaan ribut tropika Kai-ak turut berlaku di koordinat 10.8 utara dan 120.5 timur iaitu 365 kilometer (km) barat laut Cebu, Filipina.

Keadaan itu boleh menyebabkan angin kencang dengan kelajuan 50 kmsj dan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 m di perairan Sarawak, Sabah (pedalaman, pantai barat dan Kudat) dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Sokong syarikat pemula niaga manfaat Industri 4.0

→ MTDC labur dalam syarikat automasi, robotik

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@bh.com.my

Syarikat pemula niaga atau 'start up' tempatan yang terbabit dalam pembangunan teknologi masa depan perlu disokong dari segi kewangan dan pelaburan bagi membolehkan mereka berkembang serta membantu syarikat tempatan menembusi revolusi industri 4.0 (Industri 4.0).

Ini termasuk start up yang terbabit dalam teknologi kecerdasan buatan (AI), automasi dan robotik, 'augmented reality', realiti maya dan superkomputeran.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC), Datuk Norhalim Yunus, berkata pihaknya percaya

pengukuhan syarikat start up terbabit boleh membantu mempercepatkan pelaksanaan Industri 4.0 untuk syarikat tempatan.

Bagaimanapun, katanya, bergantung kepada jenis industri, tidak semua syarikat di Malaysia kini bersedia untuk menempuhi Industri 4.0 serta merta, sebaliknya perlu dibuat secara berperingkat.

"Industri 4.0 ini tidak datang seperti mana Y2K dahulu yang selepas jam 12 tengah malam, ia akan terus berlaku. Sebaliknya ia perlu dilakukan secara berperingkat.

Ambil masa

"Ada syarikat tempatan yang semakin hampir dan ada yang masih jauh untuk sampai ke Industri 4.0 ini dan mereka perlukan masa untuk beralih ke arahnya.

"Tetapi yang penting dalam konteks ini, kita perlu melabur lebih banyak dalam start up yang terbabit dengan Industri 4.0 kerana mereka akan menyumbang kepada perkembangan syarikat lain, dan dan ini yang sedang MTDC lakukan," katanya kepada BH dan NST ketika ditemui di luar Forum Ekonomi Islam (WIEF) Ke-13 di Kuching, baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Norhalim berkata, MTDC sendiri sudah melabur di dalam dua syarikat tempatan yang menghasilkan produk berkaitan automasi dan robotik.

Kedua-dua syarikat ini katanaya, dijangka akan disenaraikan ke pasaran awam tahun depan dengan mengeksport lebih 90 peratus produk mereka ke luar negara dan 98 peratus daripada pendapatan mereka disumbang daripada kegiatan eksport.



Pengukuhan syarikat start up terbabit boleh membantu mempercepatkan pelaksanaan Industri 4.0 untuk syarikat tempatan"

Norhalim Yunus,
Ketua Pegawai Eksekutif MTDC

Industri 4.0: Agensi kerajaan berkaitan perlu distruktur semula

Beberapa agensi kerajaan perlu disusun semula bagi membolehkan pelaksanaan Revolusi Perindustrian Keempat (Industri 4.0) yang lebih komprehensif.

Ketua Setiausaha Perbadanan, Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah, berkata penyuksunan semula adalah langkah penting bagi memastikan keterangkuman dan tiada isu pertindihan skop tugas dan peraturan dalam menjayakan inisiatif kerajaan itu.

Katanya, skop tugas **MIMOS**, **SIRIM**, Suruhanjaya Tenaga dan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) perlu diselaraskan untuk membantu sektor berkaitan, termasuk Perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

"Saya menyarankan agensi kerajaan berkaitan diselaras semula untuk memastikan ia menyokong Industri 4.0 demi

pendigitalan operasi pada masa depan.

"Ia (agensi kerajaan) seharusnya menjadi perintis sebelum pendedahan yang komprehensif dilaksanakan untuk entiti dalam ekonomi.

"Kita dapatti Malaysia tidak memerlukan institusi baharu untuk menjayakan Industri 4.0 kerana agensi sedia ada sudah cukup, cuma perlu dilakukan beberapa penambahbaikan.

"Meskipun pelan induk Industri 4.0 belum dilancarkan, gerak kerja dari agensi kerajaan harus dimulakan dari sekarang," katanya ketika ditemui BH di luar Sidang Kemuncak GECommunity (GECommunity) di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Industri 4.0 bakal menjana pertumbuhan ekonomi, sosial dan pembangunan ke arah pendigitalan yang holistik.

Kos lebih rendah

Inisiatif itu membabitkan semua sektor tidak hanya meningkatkan produktiviti, malah bakal menjadikan kos lebih rendah dan hasil yang melonjak berlipat kali ganda.

Revolusi berkenaan juga membabitkan pelbagai bidang termasuk automasi, robotik, pengkomputeran awan, kecerdasan buatan (AI) dan Internet untuk segalanya (IoT), di samping mengambil peluang dalam kemajuan bidang komunikasi.

Irwan Serigar juga berpendapat, pengawalselia seperti Bank Negara Malaysia (BNM) dan Suruhanjaya Sekuriti (SC) juga perlu melaksanakan modenisasi dalam pasaran kewangan iaitu teknologi kewangan (FinTech) dan pasaran modal.

"BNM dan SC perlu meneruskan langkah meliberalisa-

sikan sistem kewangan dan pasaran modal untuk memberi ruang kepada Industri 4.0 dapat dilaksanakan secara holistik," katanya.

Selain itu, beliau berkata, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) juga perlu berbincang dengan operator telekomunikasi bagi meningkatkan taraf capaian internet di negara ini.

"Kos Jalur lebar di Malaysia masih dianggap tinggi kepada pengguna, manakala tahap kelajuan masih lagi rendah. Kerajaan harus berbincang dengan SKMM untuk melakukan sesuatu yang perlu.

"Kos jalur lebar rendah dan kelajuan yang tinggi akan melancarkan pelaksanaan Industri 4.0 yang menggunakan platform digital untuk berkembang," katanya.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (BISNES) : MUKA SURAT 73
TARIKH: 18 DISEMBER 2017 (ISNIN)

TPM pelawa usahawan teknologi

Technology Park Malaysia Corporation Sdn Bhd (TPM), syarikat milik kerajaan di bawah seliaan Kementerian Kewangan mempelawa usahawan dan usahawan teknologi di Johor untuk memanfaatkan infrastruktur dan perkhidmatannya dalam usaha menembusi pasaran global.

Dalam kenyataan dikeluarkan, TPM berkata, pihaknya menawarkan khidmat nasihat khusus dan program pembangunan keusahawanan komprehensif.

"Ditubuhkan pada 1996,

TPM berperanan sebagai pemacu bidang sains, teknologi dan inovasi.

"TPM memainkan peranan penting dalam pembangunan usahawan teknologi bagi kelompok industri bioteknologi dan sains hayat, perkhidmatan inkubasi, kejuruteraan lanjutan, teknologi maklumat dan komunikasi serta tenaga boleh diperbaharu," katanya.

TPM juga inkubator pertama di Malaysia menawarkan perkhidmatan inkubasi maya, dikenali sebagai *Advise*.

KERATAN AKHBAR
THE SUN (NEWS WITHOUT BORDERS) : MUKA SURAT 3
TARIKH: 18 DISEMBER 2017 (ISNIN)

Dutch model may have taken cocktail of drugs

KUALA LUMPUR: Preliminary findings into the death of a teenage Dutch model indicated that the victim tested positive for a cocktail of at least three drugs, sources said.

A pending chemist report will provide the final piece to the puzzle in concluding a fresh probe into the death of Ivana Esther Robert Smit, 19, (pix).

Sources revealed that pathologists who conducted the post-mortem report had sent blood and tissue samples to the Chemistry Department to ascertain if there was substance abuse by Ivana prior to her death.

In the new course of investigations police had initiated after Ivana's family alleged foul play in her death, sources said it is yet to reap leads that point to criminal elements.

Dang Wangi police chief ACP Shaharuddin Abdullah said yesterday the case remained classified as sudden death or free of criminal elements.

He said investigators are waiting for the chemist's report before the findings of the investigations are made public possibly this week.

It is claimed that Ivana had joined in a swingers party the night before her death and had followed a US national and his wife, a Kazakhstan national, to their home on the 20th floor of a condominium in Jalan Dang Wangi.

The following day, the model's nude body was found on the balcony of the 6th floor of the apartment block.

After questioning the couple, police detained the American and his wife after they tested positive for drug use.

They were subsequently charged in court for drug use.

They had told police that they had only known Ivana for about two months and had met her for the second time the day before she was killed at their apartment.

The couple also told investigators that they had allowed her to stay with them as she was highly intoxicated and was unaware she had fallen from the balcony of their home.

Sources said investigators believe it is highly likely the victim had strayed to the balcony in a state of intoxication and drowsiness before falling to her death.

Checks by *theSun* showed that the American is a chief financial officer and co-founder of a locally-registered cryptocurrency company.

